

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI WARGA EMAS KEBANGSAAN 2025 “WARGA EMAS WAJAH MASA DEPAN KITA”

SEREMBAN, 5 Oktober 2025 – YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan 2025 yang diraikan dengan penuh penghargaan dan kesyukuran di Seremban, Negeri Sembilan. Dalam majlis yang sama turut diadakan pelancaran Pelan Tindakan Warga Emas 2026-2030.

Dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa tema sambutan tahun ini iaitu “Warga Emas, Wajah Masa Depan Kita” amat signifikan dengan usaha Kerajaan dalam merapatkan jurang antara generasi dan menjadikan warga emas sebagai pemandu perubahan dan inspirasi kepada generasi kini dan akan datang. Ia juga sejajar dengan komitmen kerajaan dalam memperkukuh kesejahteraan warga emas melalui pendekatan penuaan sihat, positif, aktif dan produktif selaras dengan Dasar Warga Emas Negara serta konsep Malaysia MADANI.

Menurut YB Menteri, warga emas merupakan aset berharga yang menjadi penyimpan pengalaman, penghubung generasi dan pemacu pembangunan berteraskan nilai. Justeru sebuah Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang menekankan kesejahteraan, kesaksamaan dan peluang penyertaan aktif dirangka bagi mencapai matlamat berkenaan. PTWEN dibangunkan dalam usaha memantapkan aspek penjagaan dan kebajikan warga emas susulan jangkaan Malaysia akan mencapai taraf negara tua menjelang 2030.

Kerajaan melalui KPWK M sentiasa menitikberatkan agenda pemerkasaan warga emas. Antara langkah utama ialah Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang telah dikemaskini; Bantuan Warga Emas (BWE) – iaitu RM600 sebulan yang memberi manfaat kepada lebih 160 ribu warga emas dengan jumlah bantuan RM555.7 juta setakat Jun 2025; Program PAWE@3A (anytime, anywhere, any place) – yang memperluaskan aktiviti warga emas secara fleksibel dan berteraskan komuniti; Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) iaitu salah satu inisiatif yang membantu warga emas yang tinggal bersendirian; Institusi Warga Emas yang sedang disusun semula dan dinaik taraf; Rang Undang-Undang Warga Emas Malaysia yang sedang dirangka bagi melindungi hak-hak mereka.

Dalam majlis ini juga, YB Dato’ Sri Hajah Nancy telah menyampaikan Anugerah Tokoh Warga Emas Tahun 2025 kepada Dr. Tee E Siong yang merupakan Pakar Runding Pemakanan kelahiran Seremban, Negeri Sembilan yang kini berumur 78 tahun. Anugerah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Cemerlang pula telah disandang Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Elopura, Sandakan, Sabah.

Bagi Penerima Sijil Penghargaan Prihatin Warga Emas - Kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Bandaraya tiga buah PBT telah dianugerahkan sijil iaitu Subang Jaya, (MBSJ), Selangor, Majlis Perbandaran Kulim, (MPKK), Kedah dan Majlis Daerah Kuala Pilah, (MDKP), Negeri Sembilan. Sementara itu bagi Penerima Sijil Penghargaan Prihatin Warga Emas - Kategori Badan Berkanun/Korporat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Mydin Mohamed Holdings Berhad dan 99 Speedmart Sdn. Bhd telah mendapat sijil penghargaan.

Mengakhiri ucapan, YB Dato' Sri Hajah Nancy menyeru seluruh masyarakat agar menghargai dan menghormati warga emas sebagai generasi yang telah banyak berjasa serta terus memperkukuh hubungan antara generasi bagi membina masyarakat yang inklusif dan penyayang.

Sambutan Hari Warga Emas 2025 lebih istimewa apabila turut dilaksanakan Karnival Warga Emas selama dua hari iaitu pada 4 dan 5 Oktober di Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Sembilan (KOMBES), Seremban, Negeri Sembilan yang melibatkan penyertaan lebih 3,000 orang peserta termasuk ahli PAWE dari seluruh negara. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan dalam karnival ini seperti SenaMAS (senaman warga emas), senamrobik, pameran pelbagai agensi, Program Citra Minda intergenerasi, Jualan Rahmah, sukaneka, sukan rakyat, persembahan kesenian dan Seminar PAWE 2025.

Turut hadir YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Noorzunita Begum Mohd Ibrahim, EXCO Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
5 OKTOBER 2025**